


# Musa senyum terima hadiah

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (di kanan) tersenyum menerima cenderamata dari Pengerusi Persidangan Pertubuhan Pembangunan dan Latihan Wilayah Asia (ARTDO), Haji Khalid Mohd Sidek selepas beliau merasmikan persidangan kepalan pertubuhan itu di sebuah hotel, di Kuala Lumpur semalam.

Persidangan selama lima hari itu disertai oleh wakil-wakil dari beberapa buah negara Asia termasuk India, Bangladesh, Pakistan dan lain-lain.

Beberapa pembentang kertas kerja dalam bidang-bidang kepakaran masing-masing juga dijemput termasuklah dari Jepun, Amerika Syarikat dan United Kingdom. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia